

Kompleks Pusat Asasi Sains UMS di Keningau

Oleh JOHAN AZIZ
johanaziz54@gmail.com

SELARAS usaha menyediakan peluang kepada pelajar cemerlang yang tidak mendapat tempat di Institusi Pengajian Tinggi, sebuah Kompleks Pusat Asasi Sains Universiti Malaysia Sabah (UMS) akan dibangunkan di daerah ini.

Bagaimanapun, tapak bangunan belum dipastikan lagi.

Naib Canselor UMS, Brig Jen Prof Datuk Seri Panglima Dr Kamaruzaman Haji Ampon, berkata pembinaan kompleks itu sudahpun dimasukkan dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMK10) bagi memberi peluang kepada pelajar cemerlang.

“Saya yakin dengan adanya kompleks ini lebih ramai anak-anak luar bandar dapat melanjutkan pengajian mereka di pusat ini,” katanya bercakap dalam Sidang Akhbar selepas Majlis Pelancaran Program Seiring Bersama Masyarakat 1 UMS di Gerakan Daya Wawasan (GDW) Kampung Bayangan, Keningau kelmarin.

Dr Kamaruzaman percaya cadangan pembinaan pusat itu mampu meningkatkan lagi perkembangan pendidikan di daerah ini.

Bagaimanapun, pembinaan bergantung kepada kelulusan oleh pihak kerajaan dan pengwujudan kompleks ini juga tidak menjadi masalah kerana program Asasi Sains sudahpun bermula di UMS sejak 26 April tahun lalu.

“Sebagai langkah permulaan, seramai 52 pelajar cemerlang yang terpilih untuk menjadi perintis kepada program Asasi Sains yang baru dilancarkan tahun lalu adalah merupakan anak tempatan dari negeri ini termasuk daerah Keningau,” katanya.

Beliau yakin ramai lagi generasi muda di daerah ini yang berpotensi dalam mendokong agenda pembangunan negara

“Sebagai langkah permulaan, seramai 52 pelajar cemerlang yang terpilih untuk menjadi perintis kepada program Asasi Sains yang baru dilancarkan tahun lalu adalah merupakan anak tempatan dari negeri ini termasuk daerah Keningau.”

BRIG JEN PROF DATUK SERI PANGLIMA DR KAMARUZAMAN HAJI AMPON
Naib Canselor UMS



Sairin merasmikan program itu dengan memalu gong sambil disaksikan oleh Dr Kamaruzaman (lima kanan), Azman (kanan), Amir (dua kanan), Kaipin (tiga kanan) dan George (empat kanan).

melalui perkembangan ilmu dan penyelidikan di saluran yang tepat iaitu di IPTA seperti UMS.

Dr Kamaruzaman memberitahu program Asasi Sains adalah yang terbaru dan antara 64 program pengajian di peringkat Ijazah Sarjana Muda yang ditawarkan oleh UMS.

Beliau memberitahu, pada langkah pertama sasaran UMS untuk program Asasi Sains ini adalah seramai 50 orang pelajar cemerlang dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan Sijil Pelajaran Malaysia Vokasional (SPMV) dan keutamaan diberikan kepada pelajar luar bandar dari kawasan pedalaman.

“Bagaimanapun, untuk jangka panjang, pengambilan akan

ditingkatkan sehingga 1,000 pelajar dari seluruh Malaysia sebaik-baik sahaja cadangan pembinaan kompleks ini siap di daerah ini pada RMK10,” katanya.

Terdahulu dalam ucapannya di majlis itu, Dr Kamaruzaman berkata UMS telah bersama masyarakat di negeri ini sejak ditubuhkan lebih 15 tahun lalu dan berterusan menjalankan program khidmat masyarakat luar bandar dalam mencapai falsafah untuk berbakti bagi mencapai kesejahteraan masyarakat dan negara.

Mengenai program Seiring Bersama Masyarakat 1 UMS, katanya, adalah bertujuan memberi peluang kepada UMS mendekati masyarakat luar nandar di daerah Keningau dalam

menyalurkan perkembangan terkini mengenai peluang pendidikan yang tersedia di UMS.

Beliau berkata, penganjuran program ini yang melibatkan pelbagai pihak termasuk ibu bapa, anak-anak dan pelajar-pelajar sekolah menengah yang berhasrat memasuki universiti tempatan sebenarnya mendokong konsep perpaduan 1 Malaysia 1 UMS agar warga UMS dapat bersama-sama mendekati komuniti berbilang kaum di daerah ini.

“Program ini juga adalah satu wadah untuk menjadikan masyarakat di luar bandar sebagai kumpulan yang mendapat manfaat daripada Kementerian Pengajian Tinggi melalui kemasukan ke IPTA yang bukan sahaja dilihat sebagai pusat pengajian ilmu dan peningkatan sendiri, tetapi



Dr Kamaruzaman sedang menggantung riben merasmikan Mini Perpustakaan sambil disaksikan oleh Sairin (dua kiri) dan Amir (tiga kiri).



Sebahagian pelajar sekolah menengah dan pemimpin masyarakat (gambar bawah) yang menghadiri majlis itu.

juga sebagai institusi bagi melahirkan generasi muda yang berketrampilan tinggi dan mempunyai hubungan erat dengan masyarakat pelbagai peringkat,” katanya.

Tambah beliau, generasi muda adalah agen kepada perubahan dalam mencapai hala tuju dan wawasan negara.

Dr Kamaruzaman berkata, seiring dengan program ini juga turut diadakan program homestay yang melibatkan pelajar antarabangsa UMS tinggal bersama-sama dengan penduduk di kampung ini.

Selain itu, katanya,



program seperti ini juga amat bertepatan terutama dalam membantu usaha kerajaan mempromosikan budaya dan amalan tradisional masyarakat Malaysia kepada masyarakat antarabangsa di mana pelajar ini amat bertuah kerana dapat merasai kehidupan bermasyarakat yang berbilang kaum di kampung ini.

“Mini Perpustakaan ini ditubuhkan khusus untuk kegunaan penduduk kampung dan rakyat Keningau amnya dengan tujuan untuk memberi kemudahan sumber bacaan dan rujukan ilmiah kepada masyarakat di sekitar kampung ini,” katanya.

Beliau memberitahu, kemudahan yang disediakan dapat membantu masyarakat kampung terutama dalam menyahut saranan kerajaan bagi memupuk

amalan membaca sekaligus memberi impak kepada perkembangan ilmu dalam komuniti pelbagai peringkat di kampung ini.

Dr Kamaruzaman berkata, UMS sentiasa prihatin terhadap pembangunan pendidikan di negeri ini khususnya di kawasan luar bandar seperti Keningau yang merupakan nadi kepada pentadbiran bagi kawasan pedalaman.

Majlis itu telah dirasmikan oleh Pembantu Menteri Pembangunan Luar Bandar, Datuk Haji Sairin Karno.

Hadir sama Penolong Pegawai Daerah, George Kandavu; Ketua Daerah, OKK Mohd Amir Datuk Arif; Ketua Pemuda Umno Sabah, Azman Haji Ruslan; Pegawai Pelajaran Keningau, Saidin Raisin; dan Pengerusi GDW Kampung Bayangan, Haji Kaipin Haji Rusmin.



SEMUT MERAH ... Felix dengan diiringi oleh penari-penari berpakaian tradisi Murut dan Kadazandusun menyanyikan lagu Semut Merah dengan iringan Orkestra Bambu GDW Kampung Merampong.



Sairin menyampaikan sijil penghargaan kepada salah seorang ketua rumah homestay, Aminah Yassin disaksikan oleh Dr Kamaruzaman (kiri) dan Kaipin (dua kanan).